

**Waythamoorthy Patut Guna Kedudukan Dalam K'jaan Tambah Baik Dasar
Bernama
25Feb 2014**

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri P. Waythamoorthy sepatutnya menggunakan kedudukannya dalam kerajaan untuk menambah baik mana-mana dasar yang dianggap kurang memuaskan.

Presiden Gabungan Dewan Perdagangan dan Perindustrian India Malaysia (MAICCI) Tan Sri KK Eswaran berkata perubahan dasar dalam pentadbiran kerajaan tidak boleh berlaku sekelip mata dan tempoh lapan bulan beliau dalam kerajaan sebelum Waythamoorthy meletak jawatan sekadar memperlihatkan sikap mengalah apabila gagal mencapai hasrat peribadi daripada memapar semangat juang untuk memperbaiki nasib kaum India.

"Waythamoorthy boleh memainkan peranan penting dengan menjalin hubungan dengan pelbagai agensi kerajaan berkaitan langkah yang boleh diambil untuk terus membantu kaum India.

"Dia gagal memanfaatkan peluang yang diberikan sebaliknya memilih untuk mendapatkan dana khas secara eksklusif di bawah kuasanya - satu mekanisme yang tidak praktikal atau telus," katanya.

Beliau berkata Waythamoorthy jarang membabitkan diri dalam sebarang program sosial kaum India sepanjang tempoh perkhidmatannya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1017392>